



Anwar ketika menerima kunjungan hormat delegasi Microsoft di Putrajaya, semalam. (Foto ihsan x Anwar Ibrahim)

Microsoft rancang tambah pelaburan RM10.5b di Malaysia

Inisiatif jadi pemacu usaha kerajaan bangun kapasiti AI dalam negara

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Suraya Ali
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Syarikat teknologi gergasi dunia, Microsoft Corporation (Microsoft) mengumumkan pelaburan berjumlah RM10.5 bilion (AS\$2.2 bilion) di negara ini dalam tempoh empat tahun akan datang.

Pelaburan itu meliputi pembangunan sistem dan infrastruktur awan dan kecerdasan buatan (AI), pewujudan peluang kemahiran AI untuk tambahan 200,000 orang, penubuhan satu Pusat Kecemerlangan AI Nasional, mempertingkatkan kemampuan keselamatan siber negara dan menyokong pertumbuhan komuniti pembangun sistem di Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata jumlah ini adalah pelaburan terbesar pada satu-satu masa oleh Microsoft setelah bertapak selama 32 tahun di Malaysia.

"Saya terima kunjungan hormat Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Microsoft, Satya Nadella serta delegasi di Putrajaya hari ini (semalam).

"Satya memaklumkan bahawa gergasi teknologi Microsoft bersejua untuk menambah pelaburan berjumlah AS\$2.2 bilion (RM10.5 bilion) dalam tempoh empat tahun mendatang," katanya dalam satu kenyataan.

Beberapa hari lalu, Satya turut mengumumkan beberapa pelaburan

baharu dalam siri lawatannya ke Indonesia dan Thailand.

Di Indonesia, Microsoft berjanji melabur AS\$1.7 bilion (RM8.1 bilion) dalam AI dan pengkomputeran awan bagi membantu membangunkan infrastruktur AI Indonesia.

Di Thailand, Microsoft akan mewujudkan wilayah pusat data pertama Thailand untuk meningkatkan infrastruktur awan dan AI, menjanjikan latihan AI kepada lebih 100,000 rakyat negara itu membangunkan teknologi.

Mengulas lanjut, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia menyambut baik keputusan pelaburan syarikat teknologi dan perbadanan multinasional AS itu yang membuktikan keyakinan mereka kepada asas ekonomi negara yang kukuh, dasar yang jelas dan terarah, selain mesra pelabur dan kestabilan politik.

Beliau berkata, pelaburan Microsoft selari dan akan menjadi pendukung utama kepada fokus kerajaan dalam membangunkan kapasiti AI dalam negara.

"Usai kunjungan hormat, saya dan Satya kemudian menghadiri Forum Kepimpinan AI Nasional.

"Kami sempat berdialog terkait perkara yang menyentuh hal teknologi yakni AI dan perancangan Kerajaan bagi mempersiapkan negara dengan arus perubahan ini.

"Semoga kerjasama Malaysia dan Microsoft ini dapat membawa manfaat yang cukup besar kepada negara dan rakyat keseluruhannya," katanya.

Hab pilihan pelabur

Dalam perkembangan sama, keputusan Microsoft untuk melabur membuktikan Malaysia diiktiraf sebagai hab pilihan di

Asia Tenggara, sekali gus mengukuhkan kedudukan rantau ini sebagai pasaran pertumbuhan penting.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz berkata, ia menunjukkan keyakinan Microsoft terhadap Asia Tenggara dan kedudukan strategik Malaysia sebagai pintu masuk untuk pertumbuhan.

Bercakap kepada BERNAMA selepas menghadiri acara Rumah Terbuka BERNAMA 2024, yang diadakan, di sini, semalam, Tengku Zafrul berkata, pelaburan Microsoft dalam infrastruktur bagi tempoh empat tahun akan datang akan meningkatkan kemahiran 200,000 rakyat Malaysia dan mempercepat perjalanan transformasi digital negara.

"Pelaburan itu turut memperkasakan pertumbuhan ekonomi dan keterangkuman negara melalui teknologi yang inovatif dan termaju," katanya.

Terdahulu, MITI berkata bahawa langkah syarikat multinasional itu juga menyokong inisiatif nasional Malaysia untuk menerima guna teknologi pemboleh baharu, termasuk AI dan AI generatif yang boleh memanfaatkan AS\$113.4 bilion kapasiti produktif (AS\$1=RM4.7705) di Malaysia.

Komitmen teguh Malaysia terhadap infrastruktur digital mampan telah meyakinkan banyak syarikat multinasional yang diiktiraf di dunia untuk membuka atau mengembangkan kehadiran mereka di sini, seperti yang dibuktikan oleh pelaburan digital berjumlah RM144.7 bilion yang diluluskan dari 2021 hingga 2023.

Microsoft sasar 200,000 rakyat Malaysia mahir AI menjelang 2025 - Bisnes 23